

# Al-Quran dapat membentuk keperibadian unggul pemimpin Melayu, Islam - Anwar

DARI MUKA HADAPAN

MENURUT Perdana Menteri, generasi Al-Quran di bawah pimpinan junjungan besar Nabi Muhammad SAW disebut sebagai *Al Jilun Quraniyun Fareed* yang memberi maksud generasi Al-Quran yang unik dan tersendiri kerana ketika awal penurun kitab suci itu, ia masih belum lengkap namun ia telah dibaca dan diamalkan sekali gus membentuk keperibadian mulia umat Islam ketika itu.

“Ia adalah peringatan kepada kita semua dengan memanfaatkan waktu ini untuk cuba membaca dan menghadamkan kerana jika tidak dilakukan, tiada petunjuk kepada manusia dan boleh menyebabkan kerosakan,” katanya.

Ujar Anwar, meskipun bangsa Melayu merupakan majoriti orang Islam dan turut hidup bersama-sama dengan kaum minoriti daripada bukan Islam,



ANWAR berkata generasi hari ini perlu membaca, menghadam dan mengamalkan Al-Quran supaya dapat membentuk keperibadian mulia.

ajaran Allah melalui Al-Quran menjamin sekiranya kandungannya difahami, maka umat ini dapat mempertahankan keseimbangan se-

kali gus menepati konsep ummatan wasatan iaitu mempunyai ciri-ciri keistimewaan unggul yang membezakan umat ini dengan yang lain.

“Allah janjikan kepada kita ini umat yang mempertahankan keseimbangan, yang tahu tanggungjawab dunia dan akhirat, iman dan ilmu, akal dan qolbu, rohani dan jasmani, manusia dan persekitaran.

“Dalam kehidupan ini sebab itu tidak boleh langgar segala bukit bukau, hutan digondol dan balak ditebang sesuka hati, maka alam ini akan musnah serta tidak ada keseimbangan. Maka apabila kerosakan berlaku, ia akan menimpa rakyat yang lebih rendah kedudukan mereka,” kata beliau.

Justeru itu, Perdana Menteri mengingatkan apabila seseorang pemimpin yang diamanahkan, mereka perlu mendalami dan mengamalkan petunjuk daripada Al-Quran secara menyeluruh supaya menjadi contoh yang baik kepada semua manusia.

“Saya hendak tunjuk ada orang Melayu ini kalau pemimpin bukan sahaja cakap soal hidup Melayu dan berjuang guna Islam tetapi

tidak menjadi contoh baik dalam menjaga negara sebagai satu amanah dan membela nasib rakyat terbanyak.

“Oleh itu jika diamalkan ajaran berpandukan Al-Quran, ada orang tengok ada pemimpin Melayu yang bersih dan tidak korup. Ada orang Melayu yang betul-betul jaga dan prihatin terhadap nasib orang susah dan miskin, dia mesti ada pemimpin atau wakil yang memikirkan nasib rakyat maka barulah kita boleh mempertahankan semangat dan keseimbangan ini,” kata beliau.

Hadir sama isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Komunikasi dan Digital yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed dan Pengerusi Masjid, Tan Sri Mohammed Nor Md Yusof.